




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

10 SEPTEMBER 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 160 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 391,703.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 212 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 383,568 orang. Manakala 239 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 238 orang di hospital dan satu (1) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 16 orang iaitu 14 orang di ICU/repurposed kritikal care dan dua (2) orang Open Ward (HDW/Kubekil akut) manakala lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Merah 12 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sejalan dengan jumlah sampel ujian yang jauh lebih rendah daripada semalam, hanya 160 kes baharu dicatatkan hari ini berbanding 183 kes sebelumnya.
- b. Angka jangkitan baharu diperolehi daripada 1,595 sampel ujian dengan kadar positiviti 10.72%. Semalam jumlah sampel ujian ialah 2,177 dengan kadar positiviti 8.91%. Walaupun jumlah kes positif telah menurun sebanyak 23 kes tetapi secara relatif keadaan sebenarnya tidak bertambah baik. Angka jangkitan menurun kerana jumlah sampel yang lebih rendah, malah kadar penularan naik daripada 8.91% kelmarin kepada 10.72% hari ini.
- c. Kecuali di enam (6) daerah, 21 daerah lain mencatatkan jangkitan baharu dengan tiga (3) daripadanya merekodkan kes dua (2) angka. Daerah-daerah tersebut ialah Kota Kinabalu dengan 63 kes (-14), Sandakan 21 kes (+10) dan Tawau 13 kes (+5). Tuaran hanya mencatatkan 7 kes (-7) hari ini.
- d. Sebanyak 159 daripada 160 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta satu (1) kes dalam Kategori 3.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Kontak | 10 | 6.25% |
| 3 | Bergejala | 136 | 85.00% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 14 | 8.77% |
| JUMLAH | | 160 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 09/09/2022 | Catatan Kes 10/09/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Sandakan | 11 | 21 | +10 |
| 2 | Beaufort | 0 | 8 | +8 |
| 3 | Lahad Datu | 1 | 7 | +6 |
| 4 | Papar | 1 | 6 | +5 |
| 5 | Kuala Penyu | 0 | 2 | +2 |
| 6 | Semporna | 2 | 3 | +1 |
| 7 | Ranau | 2 | 3 | +1 |
| 8 | Kinabatangan | 1 | 2 | +1 |
| 3 | Telupid | 2 | 2 | Mendatar |
| 10 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 11 | Beluran | 2 | 2 | Mendatar |
| 12 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 13 | Kota Kinabalu | 77 | 63 | -14 |
| 14 | Tuaran | 14 | 7 | -7 |
| 15 | Nabawan | 6 | 0 | -6 |
| 16 | Kota Marudu | 8 | 2 | -6 |
| 17 | Tawau | 18 | 13 | -5 |
| 18 | Penampang | 9 | 5 | -4 |
| 19 | Kudat | 6 | 3 | -3 |
| 20 | Sipitang | 2 | 0 | -2 |
| 21 | Tambunan | 3 | 1 | -2 |
| 22 | Tenom | 5 | 3 | -2 |
| 23 | Putatan | 2 | 0 | -2 |
| 24 | Kota Belud | 5 | 4 | -1 |
| 25 | Tongod | 2 | 1 | -1 |
| 26 | Pitas | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Keningau | 3 | 2 | -1 |
| JUMLAH | | 183 | 160 | -23 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 964 unit.

- Hospital 916 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 24.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 SEPTEMBER 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 155 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 5 |
| Jumlah | 160 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|------------|
| Malaysia | 142 |
| Bukan Malaysia | 18 |
| Jumlah | 160 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 10 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 1 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 17 |
| Menerima 1 Dos | 6 |
| Lengkap 2 Dos | 27 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 99 |
| Jumlah | 160 |

iii. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 5 |
| 1-4 | 5 |
| 5 -11 | 3 |
| 12-17 | 9 |
| 18-29 | 39 |
| 30-39 | 35 |
| 40-49 | 24 |
| 50-59 | 16 |
| 60-69 | 16 |
| 70-79 | 6 |
| 80-89 | 2 |
| >90 | 0 |
| Jumlah | 160 |

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II